



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي فنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

GARIS PANDUAN PROFIL KUALITI UPSI

MS ISO 9001:2015

BPQ

PENGENALAN

Garis panduan ini dibuat bagi membantu dalam menguruskan Profil Kualiti Universiti; iaitu membolehkan Profil Kualiti atau mana-mana bahagian di dalam Profil Kualiti ditambah baik, dipinda atau dimansuhkan.

PEWUJUDAN PROFIL KUALITI

- 1 Profil Kualiti (PK) merupakan satu dokumen keperluan yang digariskan mengikut Standard MS ISO 9001:2015. PK menerangkan secara asas mengenai pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kandungan Profil Kualiti UPSI adalah :
 - 1.1 Pengenalan
 - 1.2 Maklumat Korporat
 - 1.3 Skop Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti
 - 1.4 Konteks UPSI
 - 1.5 Kepimpinan
 - 1.6 Perancangan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti
 - 1.7 Sokongan
 - 1.8 Operasi
 - 1.9 Penilaian Prestasi Sistem Pengurusan Kualiti
 - 1.10 Penambahbaikan Sistem Pengurusan Kualiti
 - 1.11 Lampiran

- 2 Hanya satu (1) dokumen sahaja diwujudkan di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- 3 Ciri –ciri Profil Kualiti adalah seperti berikut :
 - 3.1 Menerangkan maklumat korporat mengenai Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
 - 3.2 Menjelaskan secara ringkas SPK yang dilaksanakan yang dilaksanakan dalam pengurusan skop utama UPSI;
 - 3.3 Menggariskan dasar dan prinsip-prinsip asas bagi setiap aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam sistem kualiti; dan
 - 3.4 Menjelaskan proses interaksi bagi aktiviti-aktiviti di dalam Sistem Pengurusan Kualiti UPSI.

PENGURUSAN DOKUMEN PROFIL KUALITI

4 Pegawai Pengurus Profil Kualiti

Profil Kualiti merupakan tanggungjawab urusetia MS ISO 9001:2015. Penyediaan isi kandungan dan pematuhan ciri-cirinya terletak di bawah tanggung jawab Pengarah Bahagian Pengurusan Kualiti yang menjadi urusetia. Walau bagaimanapun, pemakaiannya tertakluk kepada persetujuan Naib Canselor UPSI.

5 Muka hadapan Profil Kualiti

Profil Kualiti dicetak di atas kertas bersaiz A4. Muka hadapan Profil Kualiti mesti berwarna merah jambu dengan cetakan seperti di lampiran 1.

6 Klasifikasi dokumen

6.1 Profil Kualiti diklasifikasikan sebagai dokumen TERBUKA. Walau bagaimanapun, pemakaian dan isi kandungannya tertakluk kepada pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Universiti Pendidikan Sultan Idris sahaja.

6.2 Sebarang cetakan berkaitannya perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Urusetia di Bahagian Pengurusan Kualiti. Pihak urusetia tidak bertanggungjawab di atas kesahihan maklumat terhadap cetakan atau penyebaran dokumen yang tidak mendapat kebenaran bertulis.

6.3 Pihak urusetia akan memaparkan Profil Kualiti di laman sesawang BPQ untuk rujukan tanpa boleh dicetak.

7 Penyimpanan

7.1 Profil Kualiti yang asal disimpan di bilik fail Bahagian Pengurusan Kualiti.

7.2 Penyimpanan bagi PK yang telah dicetak dengan kebenaran juga perlu diberi perhatian. Dokumen ini perlu di simpan di tempat yang baik seperti bilik fail atau bilik kualiti.

PINDAAN DOKUMEN PROFIL KUALITI

8 Sebarang pindaan terhadap Profil Kualiti perlu mendapat kelulusan YBhg. Naib Canselor UPSI. Ini termasuk pindaan terhadap :

- 8.1 Skop
- 8.2 Objektif
- 8.3 Muka depan
- 8.4 Muka surat
- 8.5 Perkataan
- 8.6 Isi kandungan
- 8.7 Maksud
- 8.8 Penggunaan dan pemakaian

9 Setelah pindaan dibuat, ianya perlu dikomunikasikan kepada seluruh warga UPSI.

10 Tarikh kuatkuasa yang baharu selepas pindaan perlu dicatatkan sebagai rujukan pada muka depan Profil Kualiti.

PELUPUSAN DOKUMEN PROFIL KUALITI

11 Pelupusan Profil Kualiti perlu mendapat kebenaran bertulis daripada YBhg Naib Canselor. Ianya perlu diputuskan di dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Kualiti UPSI.